

Kaji sebab negara ketinggalan

B.H. - 3 JUN 1989

KUALA LUMPUR, Jumaat — Malaysia perlu mengkaji sebab-sebab ia kini ketinggalan berbanding negara lain walaupun pada satu ketika negara ini adalah yang kedua maju di Asia selepas Jepun, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, beberapa negara termasuk Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong, Singapura dan mungkin juga Thailand bukan saja dapat menyaingi Malaysia, malah kini jauh lebih maju.

Menurutnya, ketika mencapai kemerdekaan, Malaysia adalah negara kedua maju di segi pendapatan walaupun pendapatan per kapita negara ini hanya AS\$200 setahun ketika itu.

"Kita harus kaji kenapa? Kalau kita perhatikan, negara-negara ini lebih maju kerana dedikasi rakyatnya terhadap apa juga kerja yang mereka lakukan," katanya dalam ucapannya ketika melawat pejabat Utusan Melayu (Malaysia) Berhad, hari ini.

Sehubungan itu, katanya, rakyat hendaklah mengikis sikap bekerja semata-mata untuk mendapatkan sara hidup, sebaliknya mencontohi dedikasi rakyat negara berkenaan seperti yang diutamakan dalam Dasar Pandang Ke Timur.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak harus memandang ke Barat yang tidak mempunyai dedikasi lagi, menyebabkan mereka tidak mampu bersaing dengan negara yang rakyatnya taat setia dan rajin bekerja.

Katanya, negara-negara Barat kini asyik dengan cara-cara untuk menghalang perdagangan dengan negara tertentu termasuk Malaysia sendiri yang dimarahi kerana tidak membeli epal berjumlah \$1 juta setahun.

"Apa juga tindakan yang diambil oleh negara Barat tidak akan berjaya menyekat perkembangan dan pertumbuhan negara yang rakyatnya bekerja keras, setia dan dedikasi," katanya.

Perdana Menteri berkata, rakyat negara ini hendaklah menanamkan sikap taat kepada syarikat tempat bekerja serta berbangga dengan pencapaiannya kerana ia akan menguntungkan pekerja itu sendiri, syarikatnya dan juga negara.

Menurutnya, mereka yang bekerja hanya untuk mendapat gaji setiap hujung bulan tidak akan dapat bekerja dengan berkesan dan lambat laun akan berasa bosan.

"Sifat sayangkan syarikat dimiliki oleh pekerja di negara-negara yang kini maju seperti di Jepun," katanya.